

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

3. Batu Kawan menghadapi masalah aksesibiliti dan kesesakan lalu lintas di Jalan Batu Kawan, apakah status dan isu berkaitan projek-projek berikut:-
- (a) Jalan dan jambatan yang menghubungkan Batu Kawan dengan Kawasan Perindustrian Valdor.
 - (b) Pelebaran Jalan Batu Kawan dan Jambatan berkaitan.
 - (c) Cadangan jalan yang menghubungkan Batu Kawan dengan Byram.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) Pencapaian status kemajuan sebenar Jambatan Valdor yang menghubungkan Batu Kawan dan Kawasan Perindustrian Valdor adalah 57%, berbanding 87% yang dijadualkan iaitu kelewatan 30%. Projek ini dijangka siap pada suku terakhir 2019. Kelewatan adalah disebabkan oleh percanggahan di antara reka bentuk struktur jambatan dan struktur sedia ada *pylon* Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pada masa ini, pihak konsultan masih lagi dalam proses mendapatkan kelulusan keseluruhan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

- (b) Status kemajuan sebenar kerja-kerja pelebaran Jalan Batu Kawan adalah 80%, iaitu kelewatan 20% berbanding 100% yang dijadualkan. Projek ini dijangka siap pada penghujung Disember 2018. Kelewatan adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengalihan kabel 11KV TNB yang masih di peringkat pengalihan.

Manakala status kemajuan sebenar kerja-kerja pelebaran Jambatan Batu Kawan adalah 17%, iaitu kelewatan 25% berbanding 42% yang dijadualkan. Projek ini dijangka siap pada suku kedua 2020. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengalihan kabel 33KV TNB yang masih di peringkat panggilan tender oleh pihak TNB. Kerja-kerja pengalihan kabel tersebut dijangka siap pada penghujung Disember 2018

- (c) Bagi cadangan jalan yang menghubungkan Batu Kawan dan Byram, Jawatankuasa Perancang Negeri melalui Mesyuarat Bil.2/2018 pada 27 Februari 2018 telah mensyaratkan pihak Sime Darby untuk membina jambatan dan jalan yang menyeberangi Sungai Tengah. Jangkaan masa pembinaan dan tempoh siap jambatan ini masih belum dimaklumkan oleh pihak Sime Darby.